

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT PERTAMA TAHUN KELIMA DEWAN NEGERIYANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI SELASA, 29 MAC 2022

1. **YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (*TEBING TINGGI*)**

Sejauh mana kebarangkalian untuk negeri Perak menjual air mentah ke Pulau Pinang menerusi Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak dan apakah faktor faktor yang menjadi pertimbangannya?

2. **YB DATO' HAJI ASMUNI AWI (*MANJOI*)**

Sejauhmanakah kejayaan 'Program Pertanian Bandar' yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Perak?

a. Berapa banyak lokasi serta keluasan tanah yang digunakan dan berapa ramai penduduk di negeri Perak yang terlibat di dalam program ini?

b. Apakah langkah-langkah yang digunakan untuk mengatasi masalah pemasaran hasil-hasil pertanian keluaran 'Program Kebun Bandar' ini?

3. **YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS (*KENERING*)**

Apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan Geopark Lenggong benar-benar dapat diangkat ke persada yang membanggakan dan pulangan terbaik dapat dinikmati oleh warganya?

4. **YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO (*SELINSING*)**

Peningkatan kos barangan keperluan harian sangat mendadak dan diluar jangkaan. Apakah langkah - langkah yang akan dilakukan bagi memastikan peningkatan tersebut tidak terus meningkat?

5. **YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)**

ISU ALAM SEKITAR

a) Apakah inisiatif kerajaan dalam isu alam sekitar khususnya dalam meneruskan kelangsungan kelestarian alam sekitar?

6. **YB DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR (CHENDEROH)**

Seringkali didapati ramai dikalangan masyarakat kita terutama golongan B40 yang uzur, sakit dan memerlukan bantuan kewangan untuk mendapatkan rawatan segera seperti kemalangan, pesakit buah pinggang, pesakit kronik dimana mereka terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan rawatan. Golongan warga emas, ibu tunggal juga ada yang memerlukan rawatan atau pembedahan kecil. Namun mereka ini kebanyakannya tidak mampu untuk membiayai kos perubatan yang perlu ditanggung.

a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membantu meringankan kos perubatan bagi golongan seperti wanita ibu tunggal dan warga emas yang tidak berkemampuan ini?

b) Apakah terdapat inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan?

c) Adakah terdapat perkhidmatan pengangkutan ambulan percuma bagi pesakit terlantar golongan B40 yang tidak berkemampuan untuk dibawa ke klinik atau hospital bagi tujuan rawatan?

7. **YB CIK NG SHY CHING (TEJA)**

Pembangunan Sukan Sepak Takraw

a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam membangunkan sukan sepak takraw?

b) Apakah usaha kerajaan negeri dalam membangun infrastruktur berkenaan sukan sepak takraw di peringkat komuniti dan sekolah?

c) Adakah sebarang usaha khas kerajaan negeri dalam mencungkil bakat pemain sepak takraw di kalangan masyarakat Orang Asli yang menunjukkan minat dan potensi yang tinggi?

8. **YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM (PENGKALAN HULU)**

a) Bagaimanakah kaedah yang di praktikkan oleh kerajaan Negeri melalui agensi – agensi yang berkenaan dalam mengenal pasti kadar pengangguran dan peluang pekerjaan yang melibatkan penduduk – penduduk khususnya di kawasan luar Bandar ?

b) Berapakah kadar pengangguran yang melibatkan penduduk – penduduk di

dalam kawasan luar Bandar sepanjang pandemic Covid19 melanda khususnya di Negeri Perak ?

9. **YB ENCIK TAN KAR HING (SIMPANG PULAI)**

Apakah perancangan kerajaan negeri dan anak syarikat kerajaan negeri bagi pembangunan Megoplex dan Silveritage?

10. **YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH (BLANJA)**

Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

- a) Berapakah jumlah Industri Kecil dan Sederhana yang terdapat di dalam kawasan Parlimen Parit dan nyatakan apakah industri yang dijalankan?
- b) Apakah faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada perkembangan Industri Kecil dan Sederhana terutama di kawasan pedalaman gagal mencapai tahap kejayaan yang boleh dibanggakan?

11. **YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM (PENGKALAN HULU)**

- a) Berapakah luas kawasan yang telah diberikan kepada PKNP di dalam sektor perumahan dan industri ?
- b) Berapa jumlah dari kawasan sektor perumahan yang telah dibangunkan oleh PKNP dan memberi manfaat kepada penduduk di negeri Perak ?
- c) Berapa banyak kawasan industri yang telah diusahakan oleh PKNP serta yang telah berhasil ?

12. **YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR (PASIR PANJANG)**

Bagaimana program Bas Perak Sejahtera boleh membantu sistem pengangkutan negeri agar menjadi lebih sistematik?

13. **YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN (BUNTONG)**

Pasar Awam Buntong.

- a) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi membaikpulih dan menaiktaraf Pasar Awam Buntong sejak tahun 2018 hingga 2020?
- b) Sila nyatakan jumlah kos yang diperuntukkan bagi kerja-kerja menukar

- bumbung yang rosak di Pasar Awam Buntong ketika ini (2022)?
- c) Sila nyatakan jumlah gerai yang beroperasi ketika ini dan jumlah gerai yang kosong di Pasar Awam Buntong?

14. **YB ENCIK LEOW THYE YIH (POKOK ASSAM)**

Soalan mengenai bencana alam.

- a) Sila senaraikan jumlah keluarga yang mengalami kerugian akibat bencana alam seperti banjir kilat, ribut taufan dan sebagainya di kawasan Taiping pada tahun 2020 dan 2021.
- b) Sila senaraikan dengan teliti jumlah pampasan yang disalurkan kepada mangsa tersebut pada tahun 2020 dan 2021.
- c) Selain daripada pampasan dalam bentuk kewangan kepada mangsa bencana, apakah jenis bantuan yang lain yang telah diberikan oleh kerajaan Negeri?

15. **YB DR JURIJ BIN JALALUDIN (LUBOK MERBAU)**

Pandemik COVID-19 belum lagi berakhir. Peningkatan jangkitan covid 19 virus Omicron sejak akhir ini semakin membimbangkan. Lebih ramai yang telah dikuarantinkan.

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk keluarga yang dikuarantinkan?
- b) Berapa jumlah penduduk di dalam Negeri Perak khususnya dalam Daerah Kuala Kangsar yang telah menerima vaksin dan booster?
- c) Berapakah jumlah penduduk yang menolak suntikan vaksin?

16. **YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)**

PROGRAM TABARRU' KHAIRAT KEMATIAN NEGERI PERAK.

- a) ADAKAH PIHAK KERAJAAN BERCADANG UNTUK MENAIKKAN JUMLAH PEMBERIAN RM500 KEPADA SATU AMAUN YANG LEBIH TINGGI BAGI SETIAP WARIS PROGRAM INI MEMANDANGKAN KOS PENGEBUMIAN YANG SEMAKIN MENINGKAT PADA MASA KINI?
- b) APAKAH SYARAT-SYARAT TERKINI/TERBARU BAGI PERMOHONAN PROGRAM PERLINDUNGAN TABARRU' KHAIRAT KEMATIAN NEGERI PERAK?
- c) C) BERAPAKAH JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DIPOHON OLEH WARIS DAN BERAPA YANG TELAH DIBAYAR DAN YANG MASIH TANGGUH BELUM DIBAYAR BAGI TAHUN 2021 SEHINGGA KINI DI KAWASAN DUN MENGLEMBU?

17. **YB ENCIK LEOW THYE YIH (POKOK ASSAM)**

Soalan mengenai permit penjaja sementara.

- a) Berapakah permit penjaja sementara yang telah dikeluarkan di kawasan Taiping, pada 2021 sehingga kini ?
- b) Sila senaraikan jumlah permit penjaja sementara yang dimohon mengikut etnik di kawasan tersebut.
- c) Bilakah tempoh permit penjaja sementara tersebut akan tamat ?

18. **YB ENCIK YONG CHOO KIONG (TRONOH)**

Masalah longkang yang rosak di kampung-kampung luar kawasan penyelenggaraan PBT seperti di Kg Serkai Jadi, Kampung Kurnia, Kg Sri Kantan dan Kampung Seri Rahmat.

- i. Apakah tindakan yang bakal diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.
- ii. Adakah kerajaan mempunyai dana khas bagi membaiki atau menyelesaikan permasalahan ini?

19. **YB ENCIK MOHD NOOR BIN DAWOO (SELINSING)**

Berapakah keluasan per hektar bagi keluasan tanaman padi di Negeri Perak?

20. **YB ENCIK MOHD KAMARUDDIN BIN ABU BAKAR (KUALA SEPETANG)**

Apakah perancangan kerajaan negeri dalam mengatasi bekalan makanan ternakan ruminan (lembu , kambing dan ayam) yang sentiasa naik harga dari masa ke semasa?

21. **YB ENCIK MOHD KAMARUDDIN BIN ABU BAKAR (KUALA SEPETANG)**

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi mengatasi jumlah permohonan pinjaman perumahan yang banyak bagi golongan kerterbawahahan

22. **YB ENCIK TERRANCE NAIDU (PASIR BERDAMAR)**

Apakah sektor-sektor ekonomi di Perak yang menghadapi masalah untuk

mendapatkan tenaga kerja selepas ekonomi di buka semula selepas daripada lanjutan PKP.

a) Apa cadangan kerajaan negeri untuk menarik minat warga tempatan bagi mengisi kekosongan ini.

(a) Semasa persidangan dewan yang lepas saya ada mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja maka adakah pihak kerajaan negeri mempunyai apa apa niat untuk mengguna pakai cadangan saya untuk mewujudkan industri pekerjaan yang hanya ditawarkan kepada pekerja tempatan dengan penglibatan agensi kerajaan dan GLC?

23. **YB DR JURIJ BIN JALALUDIN (LUBOK MERBAU)**

Ungkapan "Pertanian adalah satu perniagaan"

a. Nyatakan jumlah keluasan tanah terbiar mengikut Daerah dalam Negeri Perak.

b. Nyatakan permasalahannya kenapa tanah terbiar ini tidak diusahakan.

c. Nyatakan langkah-langkah untuk atasi masalah tanah terbiar

24. **YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN (SUNGAI RAPAT)**

Masalah sampah tidak di angkat secara berjadual di sekitar Pasar Target Desa Pakatan, Lapangan Panorama Perdana, Kg Rapat Jaya Tambahan, Taman Lapangan Jaya dan Kg Sg Rokam.

a)Adakah pihak MBI mengambil maklum akan masalah ini dan apakah tindakan yang sewajar dan segera bakal diambil oleh pihak berwajib serta adakah pihak MBI atau PBT memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik ?

b)Mohon disenaraikan syarikat-syarikat Kontraktor-kontraktor yang terlibat dikawasan-kawasan yang disebutkan di atas

25. **YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR (PASIR PANJANG)**

Apakah perkembangan agenda 'Perak Bumi Lestari' sepanjang 2020-2021 ini?

26. **YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)**

Apakah kerajaan negeri akan meneruskan Proqram Khas Tani Pasca Covid 19 termasuk pembelian hasil tani memandangkan kenaikan harga hasil pertanian

yang makin meningkat?

27. **YB ENCIK YONG CHOO KIONG (TRONOH)**

Kedai – kedai (Gerai) di RPA Jalan Pusing, RPA Siputeh dan di Pekan Tronoh yang telah terbiar dan ada juga telah dijadikan kediaman oleh penyewa.

- i. Adakah kedai kedai ini dimiliki oleh PLB Pejabat Daerah Kinta?
- ii. Sekiranya ya, apakah hala tuju kedai- kedai tersebut?

28. **YB DATO' HJ. SAMSUDIN BIN ABU HASSAN (AYER KUNING)**

Dadah merupakan isu penting di Negeri Perak, soalan saya,

- (a) Berapakah jumlah penagih di Negeri Perak mengikut daerah daerah
- (b) Sejauhmanakah persatuan Pemadam Daerah berfungsi dan berapa jumlah peruntukan disalurkan khasnya didaerah Batang Padang, Daerah Kinta dan daerah Perak Tengah
- (c) Status penglibatan pelajar sekolah Menengah dan Sekolah Kebangsaan di Negeri Perak

29. **YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH (BLANJA)**

Status Tanah Bangunan Masjid dan Surau

- a) Berapakah bilangan Masjid dan Surau mengikut daerah yang telah mendapat status sijil tanah bangunan yang diwakaf kepada Majlis Agama Islam Negeri Perak sehingga Febuari 2022?
- b) Apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengesahan status wakaf tanah masjid dan surau yang tergantung atau pengesahan secara lisan oleh tuan tanah sebelum ini?

30. **YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM (TITI SERONG)**

Difahamkan berlakunya kes penamatan pekerja kontrak sama ada lantikan persekutuan mahupun kerajaan negeri dalam tahun ini.

- i) Berapakah bilangan pekerja kontrak yang ditamatkan?
- ii) Adakah kekosongan ini telah diisi dengan lantikan baru dan apakah kerajaan negeri telah menyediakan ruang kerja yang baharu kepada mereka yang ditamatkan kontrak. Ini kerana ada di kalangan mereka mempunyai komitmen bulanan yang perlu dibayar dan ianya sudah tentu menimbulkan kesulitan pada masa hadapan?

31. **YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)**

Masalah bencana alam kebelakangan ini di negeri Perak.

i) Pada 19hb Januari 2022, banyak tempat berlaku banjir kilat termasuk Bercham, seperti Persiaran Tasek Timur 7, Hala Bercham Timur 11, Lebuhraya Bercham Selatan 1 dan 2 serta banyak tempat lagi. Apakah langkah-langkah jangka panjang bagi selesaikan masalah di lokasi yang tersebut?

ii) Adakah pihak kerajaan akan mempertimbangkan penanaman pokok yang bersaiz sederhana seperti pokok Tanjung, pokok Bucida menggantikan pokok hujan-hujan yang sering tumbang ataupun dahan pokok patah. Atas faktor keselamatan orang awam.

iii) Adakah pihak kerajaan akan mempertinbangkan pembelian insuran malapetaka secara pukal, di kawasan perumahan yang kebanyakan didiami oleh rakyat berpendapatan rendah? Lebih baik daripada jumlah bantuan kerajaan yang kecil ,yang langsung tidak dapat membantu untuk pembinaan semula rumah yang rosak

32. **YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)**

Minta Menteri Besar jelaskan isu berkenaan peruntukan khas ahli MMK dan ADUN

i) Sila jelaskan mengapa keadah penggunaan sistem P07 oleh UPEN Perak sebagaimana kelaziman tahunan, dan Garis Panduan ini tidak terpakai kepada kaedah perbelanjaan bagi peruntukan di bawah Program PEMACU berjumlah RM200 ribu kepada semua ADUN?

ii) Program pemacu ini yang tidak dikawal oleh sistem P07, dan secara manual ini telah menyukarkan urusan ini kepada ADUN-ADUN. Dan sumbangan wang juga tidak dapat disalur keluar demi kepentingan rakyat. Dan tarikh luput 28hb Feb untuk hantar permohonan adalah tidak munasabah, tidak praktikal bagi pembangunan keseluruhan tahun. Adakah sistem P07 diperkenalkan semula?

iii) Adakah sebahagian peruntukan RM200 ribu boleh ditukar bentuk jadi Outright Grant (OG)?

33. **YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS (KENERING)**

Pembinaan tempat kemudahan sukan di Pekan Kecil Lawin terus terbengkalai.

a) Berapakah jumlah peruntukan projek tersebut?

b) Apakah usaha-usaha yang dilakukan agar ianya dapat diteruskan pembinaannya

34. **YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)**

PILI BOMBA.

A) APAKAH LANGKAH YANG DIAMBIL UNTUK MEMASTIKAN SETIAP PILI BOMBA DI KAWASAN DUN MENGLEMBU ADALAH BERADA DALAM KEADAAN TEKanan AIR YANG TINGGI?

B) APAKAH TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH PIHAK BOMBA TERHADAP PILI BOMBA YANG MANA TEKanan AIR TERLALU RENDAH DAN TIDAK DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MEMADAM API KETIKA BERLAKU KEBAKARAN?

C) SILA NYATAKAN BERAPA ANGGOTA YANG ADA BAGI SETIAP PASUKAN BOMBA SUKARELA (PBS) DI DALAM DAERAH KINTA?

35. **YB DATO' DR. MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA (BATU KURAU)**

a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu pesakit pesakit yang memerlukan rawatan dialisis buah pinggang yang semakin meningkat setiap hari dengan kos semakin tinggi dan menjadi semakin mahal?

b) Apakah ada perancangan Kerajaan Negeri untuk membina pusat-pusat dialisis milik kerajaan Negeri Perak? Apakah ada rancangan kerajaan membina pusat dialisis dalam kawasan DUN Batu Kurau yang mempunyai pesakit yang ramai?

36. **YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)**

Golongan wanita dianggarkan mempunyai kadar penyertaan dalam tenaga kerja yang rendah berbanding golongan lelaki di Perak

a. Senaraikan jumlah serta kadar pengangguran negeri Perak dari tahun 2018 hingga tahun 2021.

b. Nyatakan jumlah serta kadar pengangguran golongan wanita berbanding golongan lelaki dari tahun 2018 hingga 2021

c. Apakah tindakan atau rancangan yang bakal dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini

37. **YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)**

Adakah sistem pengurusan sampah secara konsesi disemua PBT didalam negeri Perak ini telah dilaksanakan? a) Sekiranya telah dilaksanakan adakah syarikat yang telah diberi tender ini mempunyai kepakaran kemahiran dan kecekapan dalam sistem pengurusan sistem pepejal? b) Bagaimanakan proses penyeliaan konsesi ini dilaksanakan dan apakah ada 'exit policy' didalam perjanjian sekiranya konsesi gagal memenuhi syarat?

38. **YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI (BEHRANG)**

URUSAN AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU

(1) Adakah pengurusan kewangan masjid-masjid bukan Masjid Daerah dalam semua daerah dalam Negeri Perak tertakluk kepada mana-mana sistem pengauditan.

(2) Selain daripada bergantung kepada jumlah kehadiran ahli qariah ke masjid, apakah garis panduan yang digunapakai untuk menilai prestasi dan pencapaian kemakmuran sesebuah masjid dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

(3) Berapakah bilangan kursus dan program terkait perkara pengurusan dan pentadbiran masjid telah diadakan sepanjang tempoh 2019, 2020, 2021 dan 2022

39. **YB DATO' DR. MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA (BATU KURAU)**

a) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk pembangunan sukan di Perak?

b) Berapakah peruntukan bagi setiap DUN untuk pembangunan sukan?

c) Apakah hasrat Kerajaan Negeri bagi menyediakan kemudahan sukan di luar bandar seperti dalam DUN Batu Kurau?

40. **YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI (MANONG)**

DI PERAK, RAMAI PENGGIAT SENI YANG BERJAYA MENEMPA NAMA DI LUAR DAN DIDALAM NEGERI. APAKAH LANGKAH KERAJAAN DALAM MENGANGKAT TOKOH-TOKOH SENI YANG BERJASA MENGHAJARUMKAN NAMA PERAK SEPERTI TOKOH PERFILEMAN, TOKOH SENIBUDAYA, TOKOH SASTERA SERTA YANG LAIN-LAIN

41. **YB ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM (SUNGKAI)**

Soalan kepada untuk Exco Kesihatan.

Kadar bayaran untuk Ujian PCR dan kekurangan “Self-test RTK”

Soalan.

i. Baru-baru ini terdapat aduan daripada orang awam bahawa ujudnya kekurangan “Self-test RTK” di pasaran tempatan. Apakah kebenaran berita ini dan jika benar apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

ii. Berapakah harga yang dikenakan oleh klinik swasta untuk Ujian PCR dan adakah kerajaan akan selaraskan jumlah bayaran untuk ujian ini?

42. **YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM (PENGKALAN HULU)**

(a) Apakah status projek pembangunan “ Border Gateway “ di Pengkalan Hulu yang sehingga kini masih tidak menampakkan sebarang kemajuan ?

(b) Apakah mekanisma mahupun kaedah yang akan di ambil oleh kerajaan Negeri agar pintu masuk sempadan Malaysia – Thailand di Pengkalan Hulu tidak menampakkan pemandangan yang mencacatkan ?

(c) Berapakah jumlah pemaju yang telah mengambil alih projek berkenaan serta apakah tindakan kerajaan Negeri kepada pemaju – pemaju yang gagal menyelesaikan pembangunan tersebut ?

43. **YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)**

lesen penjualan minuman keras

Adakah permohonan lesen penjualan minuman keras yang baru masih dibuka kepada peniaga-peniaga di Negeri Perak?

Jika ada, Adakah lesen ini diperlukan untuk jual arak di kedai ubat cina atau Restoran?

Nyatakan jenis lesen penjualan minuman keras yang sedia ada

44. **YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM (TITI SERONG)**

Pada musim lepas, hasil padi di lembangan Kerian mengalami kemerosotan yang sangat ketara disebabkan oleh serangan bakteria perosak.

- i) Adakah pihak kerajaan negeri telah menyalurkan bantuan kepada pesawah yang terjejas ?
- ii) Berapakah jumlah peruntukan berkaitan yang telah disalurkan?

45. **YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)**

Isu perkahwinan bawah umur.

- a. Nyatakan jumlah permohonan dan kelulusan perkahwinan bawah umur dari tahun 2010 hingga tahun 2021.
- b. Adakah pihak kerajaan berniat untuk meningkatkan had umur perkahwinan di Perak? Jika ada, nyatakan status terkini berkenaan isu ini.
- c. Apakah cabaran dan halangan yang dihadapi kerajaan dalam isu peningkatan had umur perkahwinan

46. **YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)**

Adakah kelemahan atau penambahbaikan dalam sistem pelaksanaan dan penyampaian (delivery system) kerajaan negeri Perak telah atau sedang dilaksanakan terutamanya yang melibatkan kerena birokrasi? a) Adakah kerajaan menyediakan sistem latihan yang berkesan untuk penjawat awam negeri Perak? b) Sekiranya penjawat awam gagal memenuhi aspirasi atau tidak mencapai tahap kualiti yang ditetapkan,apakah penambahbaikan atau peluang yang mereka ada untuk mengubah cara kerja?

47. **YB ENCIK TAN KAR HING (SIMPANG PULAI)**

Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI)

- a. Sila nyatakan jumlah perbelanjaan peruntukan HEBI bagi tahun 2020 dan 2021
- b. Sila nyatakan jumlah keluasan tapak tanah perkuburan bagi agama bukan Islam mengikut daerah dan agama masing-masing

48. **YB DATUK MASLIN SHAM BIN RAZMAN (BUKIT CHANDAN)**

1) KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN SESUATU BANDAR, ADAKAH MERUPAKAN IMEJ BAGI SESEBUAH DAERAH TERUTAMANYA BAGI BANDAR DIRAJA KUALA KANGSAR?
DALAM SIDANG YANG LEPAS TERLALU RAMAI AHLI DEWAN NEGERI YANG MENYENTUH TENTANG PRESTASI KONSESI PUNCAK EMAS SDN

BHD.

2) MOHON PIHAK KERAJAAN UNTUK MEMBENTANG PRESTASI TERKINI KONSESI TERSEBUT.

3) JIKA MASIH DALAM KEADAAN TIDAK MEMBERANGSANGKAN, ADAKAH PIHAK KERAJAAN AKAN MENIMBANG SEMULA KONSESI TERSEBUT?

49. **YB ENCIK NGA KOR MING (AULONG)**

Index Sekuriti Makanan

Kos sara hidup dan makanan semakin meningkat sebaliknya kedudukan negara dalam index sekuriti makanan dunia telah merosot dari tangga 28 kepada 43. Maka minta YAB Menteri Besar Perak nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

50. **YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ (SLIM)**

Jumlah pesakit Buah Pinggang semakin meningkat, bagaimana dengan bilangan Mesin Hemodialisis bagi menampung kapasiti pesakit daripada pelbagai peringkat umur di Daerah Muallim. Berapakah jumlah pesakit yang memerlukan rawatan tersebut di Daerah ini?

51. **YB DR KO CHUNG SEN (KEPAYANG)**

Daripada Kepayang

Tajuk: Masalah Banjir Kilat di persekitaran Jalan Kamaruddin Isa dan Taman Fair Park yang berpunca daripada Sg. Senam

a. Bilakah peruntukkan sebanyak RM8 juta untuk membina jambatan baru akan disalurkan kepada pihak berkaitan bagi membina jambatan baru seperti yang dirancang? (Sila rujuk jawapan dalam soalan bertulis dalam sidang dewan yang lepas)

b. Bilakah reka betuk jambatan baru akan disiapkan?

c. Berapakah lama masa jambatan baru dijangka siap?

52. **YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ (SLIM)**

Berapakah peruntukan yang disalurkan untuk menaiktaraf jalan dan longkang di seluruh kawasan Dun Slim?

53. **YB DATUK MASLIN SHAM BIN RAZMAN (BUKIT CHANDAN)**

WABAK COVID19 KINI BERANSUR DARIPADA PENDEMIK KEPADA ENDEMIK. KINI RAKYAT YANG TERJANGKIT MUNGKIN TIDAK LAGI MENDAPAT BANTUAN DAN KEMUDAHAN SEBAGAIMANA DALAM TEMPOH PKP DAN DARURAT KESIHATAN TEMPOHARI, KERANA DALAM TEMPOH AWAL ENDEMIK INI TAHAP IMUNITI RAKYAT MASIH RENDAH DAN KEBERANGKALIAN JANGKITAN MASIH SANGAT TINGGI.

1) ADAKAH SKIM KHAS OLEH KERAJAAN YANG DAPAT MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT KHUSUSNYA DARI SUDUT MAKANAN BERKHASIAT DAN JAMINAN PENDAPATAN?

54. **YB DATO' HAJI ASMUNI AWI (MANJOI)**

Imam-imam masjid di negeri Perak yang dilantik menjadi imam terdiri daripada kalangan ahli-ahli qariah sendiri. Walau bagaimanapun kualiti bacaan imam-imam ini hanya berdasarkan kepada setakat mana pengetahuan yang mereka ada sahaja. Adakah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) bercadang untuk melantik sekurang-kurangnya dua orang imam untuk setiap masjid dari kalangan lulusan-lulusan tahfiz?

55. **YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI (MANONG)**

PADA MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KEDUA BAGI DEWAN NEGERI PERAK YANG KEEMPAT BELAS, TELAH DIAJUKAN MENGENAI STATUS PROJEK TAMAN REKREASI/RIADAH DIBAWAH SELIAAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN. TELAHPUN DI BERI JAWAPAN BAHAWA PROJEK INI MERUPAKAN SALAH SATU PROJEK PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU SUNGAI PERAK FASA 1- RANCANGAN MEMULIHKAN KORIDOR SUNGAI KUALA KANGSAR DAN AKAN DITENDERKAN PADA OKTOBER 2019.

NAMUN, HINGGA KINI TIADA SEBARANG PEMBANGUNAN YANG DIBUAT DISINI DAN MASIH TERBIAR SERTA TIDAK TERURUS. APAKAH STATUS PROJEK JPS INI SETELAH TENDER DIBUKA TIGA TAHUN LALU?

56. **YB ENCIK TERRANCE NAIDU (PASIR BERDAMAR)**

Apakah polisi perlombongan dari kerajaan negeri pada perlombongan sumber mineral yang ingin diexploitasi, dimanakah lokasi- lokasinya dan apakah hasil sumber mineral yang dicadangkan untuk diambil?